



## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP<sup>2</sup> HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 24 RABU 15 JUN, 1966. 1386 صفر دايو 25 PERCHUMA

# D.Y.M.M. MERASMIKAN PERLETAKKAN BATU ASAS SEKOLAH MENENGAH UGAMA PEREMPUAN RAJA ISTERI ANAK DAMIT

**BANDAR BRUNEI.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan perletakan Batu Asas pembinaan bangunan Sekolah Menengah Ugama Perempuan Raja Isteri Anak Damit dalam satu upacara yang di-langsungkan pada pagi hari Isnin 13 Jun, 1966 di-satu kawasan pembinaan bangunan tersebut.

Kedudukan bangunan itu ialah berhampiran dengan bekas Istana Temasek atau di-kenali dengan panggilan Istana Parit di-Batu Satu Jalan Tutong.

Dalam titah uchapan di-upacara itu, Duli Yang Maha Mulia antara lain, telah menyatakan keyakinan Baginda bahawa dengan terdirinya sekolah itu nanti, maka ia-nya akan dapat melahirkan beratus2, malah beribu2 pelajar perempuan yang berilmu dalam bidang pengetahuan Uga-

ma.

Baginda juga mensifatkan langkah memberi ilmu penge-

tahan Ugama pada wanita2 negeri ini sa-bagai sangat ber munafa'at dan sesuai dengan kehendak Kerajaan.

Kerajaan, titah Baginda, ada-lah sangat2 mengambil berat dalam memberi ilmu pengetahuan dengan sa-luas2-nya kapada ra'ayat negeri ini, ke- (Lihat Muka 5)

**D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, kelihatan dalam gambar yang bersejarah ini sa-belum Baginda meletakkan Batu Asas Sekolah Menengah Ugama Perempuan Raja Isteri Anak Damit pada pagi hari Isnin 13 Jun, 1966.**



## D.Y.M.M. BERCHEMAR DULI KA-PERBARISAN HARI JADI BAGINDA QUEEN

**BANDAR BRUNEI.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-upacara Perbarisan bagi menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen

Elizabeth II di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 11 Jun, 1966.

Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber telah memerlukan perbarisan dan juga menerima Tabek Kehormatan

di-upacara tersebut.

Pasukan2 yang mengambil bahagian dalam perbarisan itu ia-lah: Pulis Diraja Brunei, Askar Melayu Diraja Brunei, Gurkha Rifles Baginda Queen, Pasukan Pulis Diraja Brunei Bahagian Tembakan Kehormatan, Pencharagam Pulis Diraja Brunei, Pencharagam Serunai dan Tambor Gurkha Rifles Baginda Queen, serta tujuh Pertubuhan2 Awam, ia-itu Pasukan2 Jabatan Laut Negara, Kastam Diraja Brunei, (Lihat Muka 5)

Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Y.T.U. Awang F. D. Webber kelihatan menerima Tabek Kehormatan dari Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei di-upacara Perbarisan Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M. Baginda Queen di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 11 Jun, 1966.



# PERGERAKAN PENGAKAP DI-NEGERI BRUNEI BERKEMBANG DENGAN CHEPAT-NYA

JERUDONG. — Pergerakan Pengakap di-Negeri Brunei ini telah berkembang dengan cepatnya dalam tahun2 yang sudah. Demikian kata Pengerusi Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei, Awang Norman Bradbury.

Awang Bradbury melafadzkan uchapan tersebut sa-beliau merasmikan pembukaan Kursus Latehan Pemimpin2 Pengakap dari seluruh negara di-Perkhemahan Pengakap di-Jerudong pada pagi hari Ju-mat 10 Jun, 1966.

Seramai kira2 50 orang Pemimpin Pengakap dari seluruh negara telah mengambil bahagian dalam latehan tersebut selama tiga hari mulai pada hari tersebut hingga ka-hari Ahad 12 Jun, 1966.

Dalam uchapan Awang Bradbury di-majlis tersebut, beliau menegaskan bahawa dalam hal Pergerakan Pengakap, sebagaimana juga dalam hal2 jurusan yang lain, sa-saorang itu tidak akan chekap bagi melaksanakan tugas2nya tan-pa latehan.

"Kursus hari ini, yang mana akan di-ikuti oleh beberapa kursus di-masa yang akan datang, ada-lah langkah yang sa-wajar-nya di-ambil.

## BERHATI2-LAH.....

"Berhati2-lah Tuan2 mengikut kursus ini dan apa2 juga yang akan di-ajar nanti, supaya pengetahuan yang Tuan2 perolehi itu nanti, akan dapat Tuan2 sampaikan kapada Pengakap2 yang lain," kata Awang Bradbury.

Selanjutnya beliau berkata, "Pesurohjaya Penyusun Pengakap Negeri Brunei, Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad; Pesurohjaya Latehan Pengakap Negeri Brunei, Awang Yahya Mohamed Yusof dan

juga Pemegang2 "Wood Badge" yang lain sa-mesti-nya berasa bangga kerana usaha mereka bagi menguruskan kursus ini mendapat sambutan yang baik serta di-hargai oleh Tuan2".

## BERGEMBIRA

Awang Bradbury berharap sa-moga Pemimpin2 Pengakap tersebut akan bergembira sa-masa menghadiri kursus itu.

Tujuan utama di-adakan Kursus Latehan Pemimpin2 Pengakap tersebut ia-lah untuk memberikan kapada Pemimpin2 Pengakap itu bahan2 baru untuk menerus dan meluaskan pengalaman mereka di-dalam pergerakan berpengakap dan sa-terus-nya menyediakan diri bagi mengambil Latehan "Wood Badge" Bahagian Kedua.



## SAMBUTAN "MINGGU KERJA PENGAKAP"

### DI-DAERAH BRUNEI-MUARA DAN TUTONG

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Pengakap Daerah Brunei telah meluluskan satu chadangan dalam persidangan-nya pada malam Khamis yang lalu untuk mengadakan sambutan "MINGGU KERJA PENGAKAP" pada tahun ini bagi Daerah2 Brunei-Muara dan Tutong mulai pada hari Ithnin 27 Jun hingga ka-hari Ahad 3 Julai.

Persidangan itu telah di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei, di-Bandar Brunei dan di-pimpin oleh Penge-

## — Kata Awang Bradbury

### PRAKTIKAL

Sementara itu, menurut pernaraan Pesurohjaya Latehan Pengakap Negeri Brunei, Awang Yahya Mohamed Yusof, Latehan Permulaan bagi Pemimpin2 Pengakap tersebut juga di-adakan ia-lah untuk menunjukkan chara2 menjalankan Pasokan Pengakap dengan sa-chara praktikal sebagaimana yang di-gunakan oleh "Bapa Pengakap" seluruh Dunia, mendiang Lord Baden Powell.

### PANDUAN

Awang Yahya berkata bahawa Pemimpin2 Pengakap yang menghadiri kursus latehan tersebut akan memperoleh panduan berkenaan dengan berbagai2 kerja, permainan, perlawan dan lain2nya di-mana kebolehan2 teknikal dapat di-pergunakan seperti ikatan, peta, pertukangan di-seni kesenian dan berbagai2 perkara yang bersangkut paut dengan pergerakan pengakap.

## PERADUAN MENGARANG CHERPEN

**BANDAR BRUNEI.** — Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei kini sedang menganjorkan PERADUAN MENGARANG CHERPEN, kepada Warga Negara Brunei di-seluruh Tanah Ayer.

Cherita2 pendek yang di-karangan itu, hendak-lah sesuai

untuk bacaan gulongan masyarakat yang berumur antara 10 tahun hingga ka-15 tahun.

Panjangnya tiap2 Cherpen itu ia-lah antara 1,000 hingga 1,500 perkataan dan bahasanya hendak-lah senang di-faham.

Cherpen2 itu hendak-lah berlatarkan kehidupan masyarakat Brunei pada hari ini atau kejadian SEJARAH BRUNEI yang dapat menggambarkan semangat membentuk peribadi yang baik; semangat ingin mencapai Ilmu Pengetahuan yang tinggi dan Semangat Chintakan Tanah Ayer dan Bangsa.

Karangan hendak-lah Asli, bukan terjemahan atau penyusun dari karangan orang lain dan belum pernah lagi di-siaran di-mana2 pun.

Tiap2 Cherpen itu hendak-lah mengandungi 3 salinan dan hendak-lah di-tulis di atas kertas biasa pada sa-belah muka sahaja.

Jika penulis2 menggunakan mesin taip, karangan itu hendak-lah di-taip dalam jarak dua barisan pada sa-belah muka sahaja.

Tiap2 Cherpen hendak-lah di-hantar bersama Borang Masuk dan di-alamatkan kapada Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei sa-beliau 17 Julai, 1966.

### MENGHADIRI PERSIDANGAN PENGAKAP DI-TAIPEH

BANDAR BRUNEI. — Pesurohjaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh akan mewakili Daerah Brunei-Muara dan Tutong dalam Persidangan Pengakap Tenggara Asia yang akan di-adakan di-Taipeh mulai pada 9 Oktober hingga ka-15 Oktober, 1966.

Keputusan tersebut telah disersetujui dalam persidangan Majlis Mashuarat Pengakap Daerah Brunei pada malam hari Rabu 8 Jun, 1966.

— TUNJOKKAN-LAH TA'AT SETIA KAPADA NEGARA DENGAN MENGGUNAKAN BAHASA MELAYU DALAM SEMUA LAPANGAN PEKERJAAN SA-TIAP MASA

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15 Jun, hingga ka-hari Selasa 21 Jun, 1966, ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
15	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51		6-05
16	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51		6-05
17	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51		6-05
18	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51		6-05
19	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51		6-05
20	12-23	3-40	6-32	7-44	4-37	4-51		6-05
21	12-23	3-41	6-33	7-45	4-37	4-51		6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

# Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun K.R.A.B. Di-Istana Edinburgh

**BANDAR BRUNEI.** — Klab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei telah menyambut Hari Ulang Tahunnya Kali Pertama dengan mengadakan satu Majlis Sambutan di-Istana Edinburgh pada malam hari Khamis 9 Jun, 1966.

Ramai para jemputan telah hadir di-majlis tersebut. Di-antara-nya ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohamed Alam dan Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber.

Uchapan2 telah di-berikan di-majlis tersebut oleh Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber — bagi pehak para jemputan; Doktor J. S. Gould, Yang Di-Pertua K.R.A.B. Bandar Brunei bagi Tahun 1965/66 dan oleh Yang Di-Pertua Baru klab itu, Awang G. V. de Freitas, yang telah beruchap bagi pehak Pegawai2 baru dan anggota2 klab tersebut.

Doktor Gould telah membentangkan Penyata Tahunan Klab tersebut, sambil mengucapkan terima kaseh kepada Rotarian2 tempatan yang telah berkhidmat dalam berbagai2 lapangan kemasyarakatan.

Dalam uchapan-nya, Doktor Gould berkata bahawa klab tersebut telah ujud dalam satu perjumpaan yang telah di-adakan dalam bulan Ogos tahun 1964. Pendaftaran klab tersebut sa-bagai sa-buah anggota Pertubuhan Antara Bangsa itu telah di-rasmikan oleh Ibu Pejabat Klab Rotary Antara Bangsa di-Amerika Sha-

rikat pada 24 Mei, 1965.

Tauliah Lantekan Klab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei telah di-sampaikan oleh Rotarian Brig Young, Gabnor Klab Rotary Antara Bangsa, bagi Daerah 330 dalam satu majlis yang telah di-adakan di-Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada 19 Jun, 1965.

Di-antara achara2 yang telah di-langsangkan di-majlis tersebut ia-lah merasmikan lantekan Pegawai2 Klab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei bagi tahun 1966/1967, ia-itu seperti berikut:

**YANG DI - PERTUA** — Awang G. V. de Freitas; **BEKAS YANG DI-PERTUA**—Doktor J. S. Gould; **NAIB YANG DI - PERTUA PERTAMA** — Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; **NAIB YANG DI-PERTUA KEDUA** — Yang Berhormat Awang R. D. Ross.

**SETIA USAHA YANG KEHORMAT**—Awang Talib bin Derwish; **BENDAHARI** — Awang Johnny Chung.

**PENGAWAL DEWAN** ("Sergeant-at-Arms") — Awang Lam Soo Man.

**PENGARAH2**—Doktor I. G. Singh, Awang Yee Shau Kai, Awang Abdul Ghani Jamil dan Awang Peter Lee.

# Pembukaan Rasmi Kelas Dewasa Perempuan Dan Kelas Urusan Rumah Tangga Anjoran Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan

**KAMPONG SUNGAI KEDAYAN.** — Penulong Menteri Pelajaran, Brunei, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukman bin Uking akan merasmikan pembukaan Kelas Dewasa Perempuan dan Kelas Urusan Rumah Tangga, anjoran Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan pada jam 2 petang hari Ahad 19 Jun bertempat di-Ibu Pejabat Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan.

Di-antara Pegawai2 Kerajaan yang telah di-jemput untuk beruchap di-majlis pembukaan rasmi kelas2 tersebut ia-lah Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri; Penyusun Pelajaran Dewasa Negeri Brunei, Awang Umar bin Muhamad dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

Menurut Yang Dipertua kesatuan tersebut, Awang Md. Yassin bin Awang Said, Kelas2 Dewasa dan Urusan Ru-

Pengerusi Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei, Awang Norman Bradbury telah merasmikan pembukaan Latehan Permualaan Pemimpin2 Pengakap dari seluruh Negeri Brunei di-Perkhemahan Pengakap, Jerudong pada pagi hari Juma'at yang lalu. Dalam gambar ini kelebihan Awang Bradbury sedang berjabat tangan dengan sa-orang peserta kursus tersebut. Berdiri di-sabelan kiri ia-lah Pesuroh Jaya Latehan Pengakap Negeri Brunei, Awang Yahya Mohamed Yusof.

mah Tangga tersebut mulai di-adakan dalam bulan Januari tahun ini.

Pada masa sekarang ada sambanyak 3 Kelas Dewasa dan 1 Kelas Urusan Rumah Tangga. Guru2 yang mengajar Kelas Dewasa itu ia-lah Chegu Dayang Hidup Haji Ibrahim, Chegu Dayangku Fatimah Pengiran Putih dan Chegu Dayang Junaidah binte Abdullah. Guru Kelas Urusan Rumah Tangga itu ia-lah Chegu Dayang Renee Ho.

## KURSUS PERTANIAN DI-KAMPONG PIASAU2

**BANGAR.** — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Piasau-Piasau, Labu, Temburong akan menghadiri satu Kursus Pertanian selama lima hari dalam bulan Jun ini.

Kursus Pertanian tersebut akan di-buka dengan rasminya pada jam 4 petang hari Ithnin 20 Jun dan akan tamat pada petang hari Juma'at 24 Jun.

Sementera itu ada-lah di-fahamkan bahawa Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian Negeri Brunei akan berangkat dari Bandar Brunei ka-Labu pada jam 8.30 pagi hari Ithnin 20 Jun.

Rombongan tersebut akan balek dari Labu ka-Bandar Brunei pada jam 8.30 pagi hari Sabtu 25 Jun.


Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Piasau-Piasau yang menghadiri kursus tersebut akan melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas pada hari Ithnin 27 Jun.

## Majlis Perbinchangan Anjoran Badan Perkembangan Bahasa Dan Budaya Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Satu Majlis Perbinchangan di-bawah anjoran Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada jam 8.30 pagi hari Juma'at 17 Jun, 1966.

Tajok perbinchangan tersebut ada-lah berjodol "PENGJARAN BAHASA MELAYU DI-SEKOLAH2 BUKAN MELAYU".

Peminat2 Bahasa di-seluruh negara serta Ahli2 Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei ada-lah di-jemput hadir ka-majlis tersebut.



# HAJAT AWANG HALIM TERCHAPAI KERANA SUBOR-NYA TANAMAN SIKOI

ADA-LAH menjadi kenyataan bahawa dari usaha yang di-lakukan dengan tekun dan tabah itu neschaya memperolehi kejayaan dan kepuasan bagi sa-saorang.

Apa jua bentok rintangan akan tidak berjaya menghalang sa-suatu usaha yang baik itu asal saja semangat tabah hati dan tidak bosan memang ada di-jiwa sa-saorang.

Suatu bokti dari falsafah2 tersebut telah terbentang kepada kita apabila berhadapan dengan satu keluarga di-Kampung Tungku, kira2 5 batu dari Bandar Brunei ia-itu satu kampung yang dudok-nya berhampiran dengan Gadong.

Keluarga itu ia-lah keluarga Awang Halim bin Awang Japar yang berumur 45 tahun yang juga terkenal sa-bagai saorang peladang yang tekun dan bersemangat dalam melakukan sa-suatu usaha yang menjadi kegemaran-nya saperti berchukok tanam.

Awang Halim mempunyai 3 bidang tanah yang luas-nya kira2 5 ekar dan letak tanah beliau itu kira2 2½ batu dari rumah beliau.

## DI-ATAS TANAHINI-LAH.....

Di atas 3 bidang tanah ini-lah Awang Halim menumpukan perhatian-nya dan beliau tidak bosan2 mengusahakan tanam2an dan pindek kata kita tidak berpeluang melihat tanah itu kosong saja melainkan di-isi dengan tanam2an yang mendatangkan hasil.

Kita agak kagum juga apabila kita lihat sa-bahagian dari tanah beliau itu penoh di-isikan dengan tanaman "Tembikai" atau 'SIKOI' kata kita di-sini dan sa-bahagian dari tanah itu pula di-isikan dengan tanaman 'Nenas'.

Di-sini tinjauan kita ter-tumpu pada tanam2an yang

di-usahakan-nya yang agak menarek dan kita rasa memang baik untuk di-chontohi oleh peladang2 yang lain.

Yang menarek perhatian kita ia-lah tentang ketabahan beliau mengusahakan satu2 hasil tanaman dan beliau tidak jemu2 juga mengadakan perchubaan demi perchubaan walaupun memakan masa ber-tahun2.

Bagi membuktikan ketabahan dan semangat beliau itu, Awang Halim telah mencheritakan dengan panjang lebar tentang bagaimana beliau mengusahakan perchubaan tanaman 'tembikai' atau 'sikoi' dan perchubaan beliau itu telah memakan masa sa-lama 4 tahun ia-itu suatu jangka masa yang agak panjang juga.

Kata-nya, "Beneh yang mula2 sa-kali saya chuba

ia-lah beneh 'sikoi' dari Australia yang di-beli dari sa-buah kedai di-Bandar Brunei, tetapi beneh ini tidak sesuai dengan tanah saya yang menyebabkan tanaman itu kurang subor hidup-nya walaupun saya beri baya demi baja."

"Beneh dari Negeri mata hari terbit (Jepun) juga saya telah menchuba-nya, tetapi keadaan-nya pun serupa juga dengan beneh yang dari Australia itu," kata Awang Halim sambil tersenyum2.

Banyak beneh2 lain lagi yang pernah di-chuba oleh beliau bagi mendapatkan satu penghasilan yang memuaskan hati-nya, tetapi kesemua-nya beneh2 itu belum dapat menunaikan apa yang di-hajatkannya, tetapi:

## HAJAT SUDAH TERCHAPAI SUBOR-NYA TANAMAN "SIKOI"

"Saya sekarang sudah merasa puas hati, kerana hajat saya



Awang Halim bin Awang Japar

sudah terchapai dan Awang boleh saksikan sendiri betapa subor-nya tanaman 'sikoi' yang saya usahakan ini," kata-nya sambil menunjukkan ladang tanaman 'sikoi'-nya yang hidup subor dengan buah2-nya yang besar2 bentok-nya.

"Beneh yang saya chuba dan mengeluarkan hasil yang baik ini ia-lah beneh dari Taiwan," tegas beliau.

Walaupun masa ini ia-lah musim 'sikoi' dan dalam jangka sa-bulan musim itu akan habis, tetapi Awang Halim dengan gaya yang bersahaja menegaskan:

"Saya perchaya bahawa sikoi yang saya tanam ini tidak mempunyai musim dan ia-nya akan sentiasa berbuah walaupun bukan musim-nya."

Agak kagum juga kita mendengar penjelasan beliau itu kalau ramai peladang2 mengusahakan tanaman saperti itu, kita perchaya penduduk2 negeri ini yang gemar memakan buah itu tidak lagi mengharapkan pada yang di-datangkan dari luar negeri.

Menurut Awang Halim, sikoi beneh dari Taiwan yang ditanam-nya itu buah-nya boleh besar dan berat-nya dari 20 hingga 23 kati dalam satu biji dan kadang2 ada juga sempai 26 kati berat-nya. Isi-nya pula sangat memuaskan.

Mengenai pasaran pula, beliau menjelaskan bahawa pada masa ini agak susah sedikit untuk mendapatkan harga yang agak sesuai dengan berat-nya, dan terpaksa di-jual murah kerana sikoi2 yang di-import dari luar oleh orang2 tengah sangat banyak.

## PENDAPATAN \$400-\$500 SA-BULAN


Namun bagitu, kata-nya, saya dapat juga berjual dengan harga yang sederhana mengikut berat tiap2 sa-biji. Pendapatan beliau hitung panjang dalam sa-bulan dari \$400.00 hingga \$500.00.

Sa-lain dari sikoi beliau juga mengusahakan tanaman 'Nenas' dan masa ini lebih dari 10,000 pokok sedang di-usahakan beliau, tapi maseh belum menge-luarkan hasil.

Walaupun bagitu tanaman ne-nas itu agak subor juga keadaan-nya.



Tanaman sikoi dan nenas yang di-usahakan oleh Awang Halim.





## D.Y.M.M. BERCHEMAR DULI KA-PUSAT PERTANIAN SHELL DI-SINAUT

**SINAUT.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell di-Sinaut, Daerah Tutong pada hari Rabu 8 Jun, 1966.

Baginda telah di-iringi oleh Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh; Pemangku Pegawai Pertanian Negara, Brunei, Awang Abdul Hamid bin

Ja'afar, Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh, dan Juruiring Baginda, Kaptan B. Duncan.

Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei, Dato Paduka P. E. Thompson dan Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei, Dato Paduka P. A. Coates serta beberapa

orang Pegawai Kanan Sharikat Minyak Shell telah mengalu2-kan ketibaan Baginda ka-Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell itu.

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia meninjau ka-ladang2 getah dan kelapa sawit, Baginda telah mendengar cheramah mengenai projek tersebut dan yang menjadi tujuan-nya oleh Ketua Projek Pertanian itu, Awang C. H. Hud-dart dan Pengawas Ladang, Awang Sulaiman Othman bin Mohammad.

## PERBARISAN HARI JADI BAGINDA QUEEN

(Dari Muka 1)

Bomba, Palang Merah, Pengakap, Pandu Puteri dan Boys' Brigade.

Di-upachara perbarisan itu juga, Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, telah menyampaikan Pingat2 yang di-kurniakan oleh Baginda Queen kepada tiga orang Pegawai2 Kanan Pulis, ia-itu saperti berikut:

**PINGAT PULIS BAGINDA QUEEN:** Di-kurniakan kapada Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Timbalan Pesuroh Jaya Pulis, Brunei.

**PINGAT PULIS KOLONIAL:** Di-kurniakan kapada Dato Paduka C. E. Coster dan Pengiran Haji Abas bin Pengiran Minuddin.

Sa-lepas itu, Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei mengumomkan bahawa Baginda Queen, dengan sukachita mengurniakan Pingat2 kapada empat orang Pegawai2 Kanan dari Pasukan2 Keselamatan di-Negeri Brunei, saperti berikut:

**PINGAT M.B.E. (Bahagian Tentera):** Di-kurniakan kapada Kaptan R.J.L. Sherrin dari Askar Melayu Diraja Brunei.

**PINGAT PULIS KOLONIAL:** Di-kurniakan kapada Awang E. M. Reynolds, Awang Abu Zar bin Abu Bakar dan Awang Mustafa bin Ahmad dari Pasukan Pulis Diraja Brunei.

Pada petang hari tersebut, Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei Y.T.U. Awang F. D. Webber dan Isteri beliau telah mengadakan satu majlis jamuan di-pekarangan rumah mereka.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan D.Y.M.M. Raja Isteri telah berchemar Duli ka-majlis tersebut.

Di-antara ramai para hadhirin di-majlis itu ialah Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara; Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha; Pegawai2 Kanan Kerajaan dan pembesar2 negara.

**D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan sewaktu keberangkatan Baginda ka-upachara Perbarisan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y.M.M. Baginda Queen di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 11 Jun, 1966. Di-kiri ia-lah Pesuroh Jaya Pulis, Dato Setia A. W. J. Slater.**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini semasa Baginda berchemar Duli ka-Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell di-Sinaut pada hari Rabu 8 Jun, 1966.

## D.Y.M.M. MERASMIKAN PERLETAKKAN BATU ASAS SEKOLAH MENENGAH UGAMA

(Dari Muka 1)

rana ilmu pengetahuan ada-lah penegak hidup di-dunia ini.

Terdahulu dari itu, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menekankan, pembinaan Sekolah Menengah Ugama Perempuan Raja Isteri Anak Damit itu ada-lah sa-bagai menyelaraskan idaman ra'ayat terutama umat Islam bagi membekalkan ilmu pengetahuan Ugama yang lebuh tinggi kepada wanita2 Islam di-negeri ini.

Mengenai mata2 pelajaran yang akan di-ajar di-sekolah itu, beliau menyatakan bawa di-samping mata2 pelajaran yang lain, pelajaran2 Ilmu Kira2, Bahasa Inggeris, Sains dan Urusan Rumah Tangga akan juga di-ajarkan dan pembinaan bangunan itu di-jangka akan siap pada penghujung tahun hadapan.

Turut memberikan uchapan di-upachara itu ia-lah Pesuroh-jaya Kemajuan Negara Brunei. Antara yang hadir termasoklah Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Che-teria2, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Penulong2 Menteri, Ahli2 Majlis2 Ma-shuarat dan Ketua2 Pejabat.



# JAWATAN-JAWATAN KOSONG:

## Juru Mesin Di-Pejadat Siaran Radio Dan Penerangan Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat untuk memenuhi jawatan Juru Mesin di-Pejadat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

### Gaji:

Dalam sukatan E 1—2 EB 3 \$200x10-270/EB/280x10-330.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 yang berikut akan di-pertimbangkan:—

- Pemohon2 mesti-lah menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat.
- Mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu.
- Pemohon2 mesti-lah mahir dengan kerja2 di-work-

## Kerani Tingkatan 'B' Superscale II Dan Kerani Tingkatan 'B' Superscale I

PERMOHONAN2 ada-lah dilaporkan daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat untuk memenuhi jawatan2 sebagai Kerani Tingkatan 'B' Superscale II dan Kerani Tingkatan 'B' Superscale I.

Pegawai2 yang memohon mesti-lah berkhidmat dalam jawatan tetap.

Pemohon2 bagi jawatan Kerani Tingkatan 'B' Superscale II mesti-lah mempunyai sekurang2nya 5 tahun perkhidmatan sebagai Kerani Tingkatan 'B' Superscale I.

Pemohon2 bagi jawatan Kerani Tingkatan 'B' Superscale I mesti-lah mempunyai sekurang2nya 5 tahun perkhid-

shop dan tahu membaiki jentera2 outboard, jentera Homelite — 'generator' berjentera, kenderaan bermotor dan pemotong rumput.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar dengan melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu salinan Chatatan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti diisi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 Jun, 1966.

matan sebagai Kerani Tingkat-

an 'B'. Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat dan mereka2 ini di-kehendaki menghantarkan Laporan Sulit tentang tugas2 si-pemohon dan tentang kelayakan2 mereka untuk di-naikkan pangkat.

Pegawai2 yang tidak berjaya dulu-nya boleh-lah memohon sekali lagi sekira-nya dia mahu di-pertimbangkan semula.

Permohonan2 mesti-lah sampai kapada Pegawai Perjawatan tidak lewat daripada 27 Jun, 1966. Permohonan2 yang tiba lewat daripada tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

## TUKANG UBAT

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk jawatan2 Tukang Ubat (Terlateh) dan Tukang Ubat Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

### Kelayakan2:

- Pemohon bagi jawatan Tukang Ubat (Terlateh) hendak-lah mempunyai Diploma sebagai Tukang Ubat yang berkelayakan selepas menjalani satu kursus latehan yang di-akui. Sebaiknya sa-orang pemohon yang mempunyai pengalaman terus menerus selama lima tahun sebagai tukang ubat akan di-terima juga.
- Pemohon bagi jawatan Tukang Ubat Perchubaan mesti-lah menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau berhak di-daftarkan sedemikian, berumur 17 tahun atau lebih dan mesti-lah lulus Sijil Senior Cambridge termasok-lah mata pelajaran sains umum.

### Gaji:

Dalam sukatan D 1—2—3 EB 4 \$210x10-260/270x15-360/380x20-480/EB/500x20-620.

Gaji permulaan bergantong pada kelayakan2 dan pengalaman.

### Sharat2 Lantekan:

- Tukang Ubat Perchubaan akan menjalani masa perchubaan selama tiga tahun dan penetapan dalam jawatan mereka akan bergantong pada kejayaan mereka dalam peperiksaan selepas satu kursus yang di-akui.
- Tukang Ubat (Terlateh) yang bukan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau tidak berhak di-dafarkan sedemikian akan dilantek se secara berkontrek selama tiga tahun termasok masa perchubaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

## Pegawai Perubatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenuhi jawatan Pegawai Perubatan Bahagian Kesehatan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Tugas2 termasok-lah Pentadbiran Kesehatan Awam, Perkhidmatan Kesehatan di-Pelabuhan dan di-Lapangan Terbang, Pendaftaran Perangkawanan Beranak dan Mati, dan lain2.

### Kelayakan2:

- Pemegang sebarang Ijazah, Diploma atau lesen yang di-akui sebagai membolehkan dia-nya di-dafarkan oleh Majlis Pelajaran Perubatan 'Am dan Pendaftaran di - United Kingdom, atau,
- Pemegang Ijazah atau lesen dalam bidang perubatan, pembelahan yang lain, sekira-nya Pegawai Perubatan Negara, Brunei, dengan sebab2 istimewa mempertimbangkan - nya sebagai kelayakan yang menchukop dengan tidak mengira sama ada kelayakan tersebut tidak membolehkan pemegang-nya di - daftarkan di - United Kingdom.
- Chalon2 mesti-lah mempunyai Diploma dalam bidang Kesehatan Awam atau kelayakan yang sebanding dengan-nya; dan berpengalaman dalam kerja Kesehatan Awam.
- Umur — tidak lebih dari 45 tahun.

### Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 EB 3 mata wang Malaysia \$1020 x 40-1620/EB/1670 x 50-1820.

Gaji permulaan bergantong pada kelayakan2 dan pengalaman.

### Tempoh Perkhidmatan:

Selama tiga tahun dan perkhidmatan boleh di-baharu

### Baksis:

Bagi sa-orang pegawai yang di-lantek se secara berkontrek, baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 14 Julai, 1966.

## Bahagian Kesehatan

dengan persetujuan bersama.

### Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

### Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 11 Julai, 1966.

## Pemereksa Tali Ayer Dan Parit

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenuhi jawatan2 Pemereksa Tali Ayer dan Parit2 di-Jabatan Pertanian, Brunei.

### Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja tali ayer dan parit selama sekurang2nya lima tahun, lulus Form III Inggeris dan boleh berbahasa Melayu. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang tahu kerja ukor mengukor.

**Gaji:** Dalam sukatan D1-2 EB 3 \$210x10-270x15-360/EB/380x20-480. Gaji permulaan bergantong pada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:** Se secara berkontrek selama 3 tahun termasok masa perchubaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

**Baksis:** Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Jun, 1966.

## SOKAN BRUNEI:

# 4 Rekod<sup>2</sup> Baru Di-Chiptakan

**SERIA.** — Empat rekod<sup>2</sup> baru telah di-chiptakan di-temasha Sukan Kejohanan Seluroh Negeri Brunei pada tahun ini. Temasha Sukan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Sukan Amateur Negeri Brunei di-Gelanggang Sukan Seria pada petang hari Ahad 12 Jun, 1966.

Tiga daripada rekod<sup>2</sup> baru itu telah di-chiptakan dalam Bahagian Lelaki ia-itu: Lumba lari lompat pagar 110 meter, lumba lari 800 meter dan lumba lari berganti<sup>2</sup> 4 x 400 meter.

Satu rekod baru telah di-chiptakan dalam Bahagian Perempuan.

Rekod<sup>2</sup> baru yang di-chiptakan itu ada-lah saperti berikut:

Rani Metassan dari Persekutuan Guru<sup>2</sup> Melayu Brunei telah menchiptakan rekod baru lumba lari lompat pagar 110 meter dengan mengambil masa 16.1 sa'at. Rekod Brunei yang lama 16.3 sa'at di-chiptakan oleh Willie Chong.

Sinin Metali dari Askar Melayu Diraja Brunei telah menchiptakan rekod baru dalam lumba lari 800 meter dengan mengambil masa 2 minit 2.1 sa'at, dengan mengatasi rekod lama yang ia sendiri menchiptakan, ia-itu 2 minit, 2.7 sa'at.

Satu lagi rekod baru yang di-chiptakan dalam Bahagian Lelaki ia-itu, Lumba lari berganti<sup>2</sup> 4 x 400 meter te-

lah di-chiptakan oleh Askar Melayu Diraja Brunei, Pasukan "A" dengan mengambil masa 3 minit 39.9 sa'at, ia-itu mengatasi rekod lama 3 minit 40.7 sa'at yang di-chiptakan oleh Askar Melayu Diraja Brunei juga.

Dayangku Rohani Pengiran Tajuddin dari Sekolah Melayu Sultan Mohamed Je malul Alam, Bandar Brunei telah menchiptakan rekod yang tunggal dalam Bahagian Perempuan, ia-itu dalam lumba lari 800 meter dengan mengambil masa 2 minit 42.8 sa'at. Dalam perlumbaan itu, Dayangku Rohani telah berjaya mengatasi rekod lama ia-itu 2 minit 55.2 sa'at yang perlumbu muda itu sendiri telah menchiptakan.

Isteri Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait telah menyampaikan hadiah<sup>2</sup> kapada pemenang<sup>2</sup> sa-baik sahaja tamat temasha Sukan tersebut.

Terlebih dahulu, Pengiran Momin, selaku Yang Dipertua Persatuan Sukan Amateur Ne-

geri Brunei telah melafadzkan uchapan di-temasha sukan itu.

Dalam uchapan beliau, Pengiran Momin telah mengucapkan tahniah kapada peserta<sup>2</sup> yang berjaya sambil berharap agar-nya peserta<sup>2</sup> yang di-pileh mewakili Negeri Brunei dalam temasha Sukan Borneo yang akan di-langsangkan di-Jesselton pada 24 dan 25 Jun akan datang, akan mengharumkan nama Negeri Brunei di-temasha sukan itu.

Pengiran Momin telah mengucapkan terima kaseh terhadap perkhidmatan Awang M. V. Singham, yang telah berkhidmat semenjak beberapa tahun yang lalu sebagai Setia Usaha Yang Kehormat Persatuan Sukan Amateur Negeri Brunei.

Beliau telah juga mengucapkan tahniah kapada tiga orang peserta<sup>2</sup> "veteran", ia-itu A. Sibidol, Apong Laman dan Kid Yusof yang telah tidak ketinggalan mengambil bahagian di-temasha Sukan Brunei pada tahun ini serta juga pada tahun<sup>2</sup> yang lalu.

Sa-jumlah 28 jenis perlawan-an telah di-pertandingkan di-temasha sukan tersebut. Se mua-nya telah "berjalan dengan lichin" semenjak temasha sukan itu di-mulai pada jam 1.30 petang hari tersebut hingga-lah selesai temasha sukan itu.

Sebagaimana pada tahun<sup>2</sup> yang lalu, pada tahun ini juga Negeri Brunei akan mengambil bahagian di-temasha SOKAN BORNEO yang akan di-adakan di-Jesselton, Sabah dalam bulan Jun ini.

Pasukan Brunei ka-temasha Sukan Borneo itu akan berangkat ka-Jesselton dengan kapal terbang dan balek ka-Brunei juga dengan kapal terbang.

o:—:o:—:o

## Jadual Perlawanan Bola Sepak Di-Bandar Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Jadual Perlawanan Bola Sepak di-Padang Besar Bandar Brunei mulai pada petang hari Rabu 15 Jun hingga ka-petang hari Selasa 21 Jun ada-lah seperti di-bawah ini:

15 Jun: Perkasa melawan Belia Berakas. Penjaga Tepi — Kubu.

16 Jun: Sumbiling "A" melawan Sungai Kebun. Penjaga Tepi — Belia Sengkurong.

17 Jun: Sultan Lama "B" melawan Kubu. Penjaga Tepi — 3 PKA.

## Perlawanan Sepak Raga Jaring Bagi Menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. Di-Bawah Anjoran P.G.G.M.B.

**BANDAR BRUNEI.** — Perlawanan Sepak Raga Jaring bagi Daerah Brunei sebagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeran Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di-bawah anjoran Persekutuan Guru<sup>2</sup> Melayu Brunei akan di-adakan sedikit hari lagi.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengurniakan dua buah perisai manakala Persekutuan Guru<sup>2</sup> Melayu Brunei pula telah menghadiahkan sa-buah Oskar untuk Pertandingan Sepak Raga Jaring tersebut.

Perlawanan Sepak Raga Jaring itu ada-lah terbuka antara Jabatan<sup>2</sup>; Maktab<sup>2</sup> dan Sekolah<sup>2</sup>; Kelab<sup>2</sup> dan Persatuan<sup>2</sup> (atau Badan<sup>2</sup> yang sah di-dafarkan oleh Kerajaan).

Pasokan<sup>2</sup> yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam Perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut, ada-lah di-persil mengisikan borang<sup>2</sup> yang di-sediakan oleh Penaja perlawan-an tersebut.

Borang<sup>2</sup> permohonan itu hendak-lah di-hantar balek kepada Che'gu Awangku Ahmad bin Pengiran Umar, d/a Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei atau pun Che'gu Mohamed Hussain bin Zainal, d/a Jabatan Pelajaran, tidak lewat daripada jam 3 petang, hari Juma'at 17 Jun, 1966.

## JAWATAN-JAWATAN KOSONG:

### Juru Trengkas Melayu

PERMOHONAN<sup>2</sup> ada-lah di-pelawa daripada Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenuhi satu jawatan kosong sebagai Juru Trengkas Melayu di-Pejabat Bandaran, Brunei.

**Gaji:** Dalam sukatan D 3-EB 4 \$380x20-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan ber-gantong pada kelayakan<sup>2</sup> dan pengalaman.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan<sup>2</sup> yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:

Pemohon<sup>2</sup> mestilah boleh

menulis trengkas selaku 80 perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit.

Permohonan<sup>2</sup> mestilah di-hantar melalui Ketua<sup>2</sup> Pejabat yang di-kehendaki menghantarkan laporan sulit dan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan<sup>2</sup> yang mestilah di-penohkan di-dalam borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 29 Jun, 1966.

### Ugama Brunei

**Gaji:** Dalam sukatan gaji F.1 \$160 x 5 - 175.

Permohonan<sup>2</sup> yang mestilah di-penohki dalam borang<sup>2</sup> yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 Jun, 1966.

18 Jun: Belia Sengkurong melawan Sumbiling "B". Penjaga Tepi — Sungai Kedayan.

20 Jun: 3 PKA melawan Burong Pingai. Penjaga Tepi — Sumbiling "B".

21 Jun: Sungai Kedayan melawan Sukarela Tutong. Penjaga Tepi — Sultan Lama "A".

Perlawanan Bola Sepak tersebut di-adakan di-bawah anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan di-kelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling.

# Perarakan Maulud Di-adakan Sa-chara Besar2an Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Penduduk di-Daerah Brunei dan Muara akan menyambut Maulud Nabi Muhammad s.a.w., dengan mengadakan satu perarakan sa-chara besar2an di-kawasan Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 2 Julai, 1966.

Perarakan itu akan di-mulai dari Padang Besar, Bandar Brunei, pada jam 2 petang hari tersebut. Sa-lepas berarak, satu majlis sharanan dalam beberapa bahasa akan di-adakan di-padang tersebut dan di-ikuti

dengan upacara menyampaikan hadiah2.

Perarakan tersebut ada-lah terbuka kapada 4 Bahagian, ia-itu Bahagian2 Orang2 Kampong; Maktab2 dan Sekolah2, Pasokan2 Belia dan Pejabat2 di-Daerah Brunei dan Muara.

Pasokan2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam perarakan tersebut ada-lah di-persilakan membuat perhubungan dengan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei sa-beleum hari Rabu 22 Jun, 1966.

## Majalah "Bahana" Di-Terbitkan Hujong Bulan Ini

BANDAR BRUNEI. — Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan menerbitkan keluaran sulong majalah-nya yang bernama 'BAHANA' sa-lewat2-nya pada penghujung bulan Jun ini.

Dalam kata sambutan penerbitan sulong majalah itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Mohamed Jamil menyatakan bahawa ranchangan hendak menerbitkan sa-buah majalah yang betul2 mendukung bahasa, sastera dan budaya tanah ayer memang sa-bahagian dari tujuan dan dasar Dewan Bahasa.

Menyebut mengenai teriakan ra'ayat yang meminta supaya penerbitan majalah itu di-laksanakan dengan segera, beliau mensifatkan-nya sa-bagai gejala yang sehat kerana sedikit sa-banyak telah membayangkan satu kesedaran ra'ayat untuk berbakti kepada bahasa, sastera dan budaya.

"Tetapi, teriakan saja tidak chukup untuk mencapai satu chita2 tanpa bantuan keilmuan dan kejuruan dan kahiran majalah Bahana merupakan satu gejala dalam evolusi rebah-bangun Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei untuk menjangkau kesempurnaan 'keilmuan dan kejuruan' dalam bidang penerbitan demi menuju ka-chita2 mempertinggikan bahasa, sastera dan budaya tanah ayer," tegas Dato Paduka Haji Mohamed Jamil.

Selanjut-nya beliau menegaskan bahawa kelahiran sulong majalah itu di-akui belum sem-purna baik dari segi isi maupun teknik-nya dan kedewasaan-nya nanti bergayut erat pada kerjasama antara pemintat2 bahasa, sastera dan budaya dan petugas majalah Bahana sendiri.

Dengan itu, beliau perchaya akan lahir-lah satu tenaga yang betul2 bergerak ka-arah kemajuan dengan suara yang sung-goh2 berbahana yang dapat menggetarkan semangat chintakan bahasa, sastera dan budaya tanah ayer.

Dalam keluaran sulong maja-lah itu telah di-isikan dengan beberapa buah renchana2 yang

di-buat sa-chara ilmiah mengenai perkembangan bahasa Melayu dan kebudayaan.

Sa-lain dari itu, pemintat2 chrita pendek, sajak dan ulasan buku juga akan dapat mengikuti lapangan tersebut yang juga di-muat dalam majalah itu.

Majalah tersebut masa ini sedang dalam perchetakan terakhir dan di-jangka akan siap dalam minggu ini. Majalah itu akan di-jual dengan harga 50 sen sa-buah dan di-terbitkan tiga bulan sa-kali.

### Berkhidmat-lah Dengan A.M.D.B. Pengambilan Orang2 Baru Di-Dewan Kemasharakatan Pada 20 Jun

ASKAR Melayu Diraja Brunei mengumumkan bahawa maseh ada lagi kekosongan bagi orang2 baru untuk berkhidmat dalam Pasukan A.M.D.B. itu dalam bulan Ogos 1966.

Pasukan Pengambilan orang2 baru itu akan berada di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari Ithnin 20 Jun, 1966 mulai pada jam 8.15 pagi hingga ka-jam 12 tengah hari dan dari jam 2.30 petang hingga ka-jam 4.30 petang.

Sukarelawan2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan tidak kurang dari 5 kaki tinggi. Mereka mesti-lah juga ra'ayat Brunei dan berbangsa Melayu. Sukarelawan2 juga mesti-lah belum berkahwin dan di-minta untuk bersestui tidak akan berkahwin sa-hingga mereka menamatkan sa-lama 6 bulan latehan.

Kenaikan tangga gaji dan juga sharat2 bersara yang baru telah pun di-luluskan.

Keterangan2 penoh tentang sharat2 dan keadaan berkhidmat boleh di-dapat daripada Pasukan Pengambilan orang2 baru A.M.D.B. di-Dewan Kemasharakatan Brunei pada 20 Jun.

## Jabatan Ugama Brunei Sekali Lagi Menerima Surat Siaran Wasiat Yang Di-Anggap Liar

BANDAR BRUNEI. — Baru2 ini sa-kali lagi Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah menerima dua Surat "Siaran Wasiat" yang di-anggap "liar", yang hampir2 sama dengan Surat "Siaran Liar" yang pernah disampaikan kepada pehak Jabatan tersebut pada bulan Oktober tahun 1965.

Kerana ada-nya Surat Siaran Liar yang di-anggap mengelirukan fikiran orang lain, maka Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah menerbitkan Surat Keling-nya Bilangan 16/1965 bertarikh 7 Oktober, 1965.

Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei berpendapat bahawa Risalah atau Surat Siaran (Wasiat?) itu ada-lah Siaran Liar, ia-itu di-buat oleh orang yang tidak bertanggung jawab.

Sa-benar-nya perkara Siaran Wasiat (Liar) ini, bukan-lah sa-satu perkara yang baru. Ia telah berlaku sejak sa-belum Perang Dunia yang kedua da-hulu.

Lebih tepat, pada Siaran2 Wasiat Liar-nya keluaran sa-

belum perang dahulu, di-sebut laku-nya sesuatu kejadian. Terapakah akhir-nya, dapat di-ketahui oleh orang ramai bahawa segala tekanan atau ramalan yang dikatakan-nya itu, SEMUA-NYA DUSTA DAN TIDAK ADA YANG BENAR.

Menurut Surat Keling Jabatan tersebut yang di-terbitkan pada 9 Jun, 1966, Surat Siaran (Wasiat?) itu, bukan-lah sa-benar-nya datang dari Madinah — bahkan ia hanya di-adakan oleh orang persorangan atau sa-suatu gulongan yang tertentu, untuk senghaja hendak mengerohkan suasana yang aman damai di-dalam negeri ini, atau kerana hendak memisangkan kepercayaan sa-saorang terhadap ugama-nya (terutama orang2 Islam).

Kerana itu, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei berpendapat bahawa TIDAK PERLU SURAT2 SIARAN SAPERTI ITU DI-LAYANI OLEH ORANG RAMAL.



Sa-orang penuntut perempuan dari Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei yang telah memperolehi kepujian di-temasha Sukan Brunei pada hari Ahad 12 Jun, 1966, ia-lah Dayangku Rohani binte Pengiran Tajuddin. Dayangku Rohani bukan sahaja telah menang dalam Lumba Lari 800 meter, bahkan ia juga telah berjaya mengciptakan satu rekod baru — ia-itu rekod yang tunggal di-criptakan dalam Bahagian Perempuan di-temasha sukan tersebut. Dalam gambar ini kelihatan Dayangku Rohani sa-lepas ia berjaya menyandang gelaran kejohanan dalam perlumbaan tersebut.